

14 JUL 1998

Utusan-berhenti

JOHAN JAAFFAR LETAK JAWATAN KETUA PENGARANG UTUSAN MELAYU

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Datuk Johan Jaaffar telah meletakkan jawatan sebagai Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu.

Bernama difahamkan Johan mengumumkan perletakan jawatannya itu semasa menghadiri mesyuarat dengan pegawai kanan Jabatan Pengarang Utusan Malaysia pagi tadi.

Johan, 44, yang dilantik ke jawatan itu pada 1992, bagaimanapun tidak dapat dihubungi untuk mendapat penjelasan.

Tetapi setiausahanya ketika dihubungi memberitahu Bernama ketuanya itu telah "pergi luar negeri".

Berita mengenai perletakan jawatan Johan itu merebak pantas di kalangan organisasi media di sini pada waktu rehat makan tengah hari dan Bernama menerima banyak panggilan telefon khususnya di kalangan wartawan yang mahu pengesahan.

Difahamkan pegawai kanan Jabatan Pengarang yang menghadiri mesyuarat itu "terkejut dan tidak percaya" dengan pengumuman Johan itu kerana tidak seorangpun dalam kumpulan akhbar itu menjangka ia akan berlaku.

Punca perletakan jawatan beliau tidak diketahui tetapi sumber-sumber yang rapat dengan Utusan berkata Johan mengemukakan surat perletakan jawatan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal hari ini.

Sebahagian besar saham Utusan Melayu adalah dimiliki oleh Umno.

Sementara itu, AFP melaporkan lewat petang ini perletakan Johan adalah kerana "perbalahan dengan pucuk pimpinan parti pemerintah" (Umno).

"Adalah lebih baik bagi beliau meletakkan jawatan sebelum diminta berbuat demikian," agensi berita itu memetik kata seorang ahli Umno yang rapat dengan pucuk pimpinan parti itu.

--BERNAMA

AU oba